

Kakitangan SKTM kunjungi UMS-KAL

UB 18/08/2012 B3

SERAMAI 30 pegawai dan kakitangan Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat (SKTM), Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan lawatan sambil belajar ke UMS-KAL, di Wilayah Persekutuan Labuan kelmarin.

Mereka terdiri daripada pegawai sains, pensyarah dan pembantu makmal.

Rombongan itu diketuai oleh Pegawai Sains Kanan, Ahmad Sudin yang turut melawat Asian Supply Base (ASB) dan Institut Latihan Perindustrian (ILP).

Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Zamri Mohamad Tuah

telah menyampaikan ucapan alu-aluan manakala taklimat mengenai pembangunan dan pentadbiran UMS-KAL disampaikan oleh Penolong Pendaftar Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Mas Adi Alimin.

Turut hadir pada perjumpaan di Bilik Mesyuarat Eksekutif, Aras 11 itu ialah Penolong Pendaftar Kanan Pentadbiran, Musnin Mattersah.

ZAMRI (berdiri tengah, empat kiri) dan **AHMAD** (lima kiri) bersama pegawai dan kakitangan SKTM yang melawat UMS-KAL kelmarin.

